

19 JUL 2000

Mahathir-Pemberontakan (Embargo: 9 malam 19 Julai)

ROMPAKAN SENJATA DI GERIK BUKAN PERMULAAN PEMBERONTAKAN

KUALA LUMPUR, 19 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kekhuatiran awalnya bahawa rompakan senjata di kem tentera di Gerik pada 2 Julai mungkin merupakan permulaan kepada pemberontakan bersenjata di Malaysia, kini didapati tidak berasas.

Perdana Menteri berkata beliau terkejut dan kluatir kejadian itu adalah permulaan kepada sesuatu yang lebih besar apabila menerima panggilan telefon daripada Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak mengenai kumpulan kira-kira 15 orang yang merompak dan mengambil senjata yang banyak dari kem tentera di Gerik.

"Saya kluatir sama ada ini adalah permulaan sesuatu yang lebih besar, iaitu secara terancang akan ada pemberontakan di negara kita dan ini mungkin akan membawa banyak kematian, pembunuhan dan sebagainya.

"Saya amat terkejut kerana ini bukan biasa berlaku di negara kita," katanya dalam rancangan wawancara khas Bersama Perdana Menteri yang disiarkan melalui Radio Televisyen Malaysia dan TV3 malam ini.

Beliau berkata bagaimanapun daripada maklumat terakhir dan hasil siasatan kini kerajaan dapat mengenal pasti siapa yang melakukannya dan apa tujuan mereka sebenarnya.

Dr Mahathir berkata kekhuatiran awalnya itu ialah kerana pada mulanya memang kerajaan tidak mengetahui insiden itu akan menjadi setakat mana buruknya.

"Sekarang ini kita dapat mengenal pasti siapa melakukannya dan apa tujuan mereka dan mungkin juga reaksi yang tidak menyenangkan apabila ada pihak yang cuba menimbulkan perasaan benci di kalangan orang bukan Islam dan kepada orang Islam, dan ini berlaku di Sarawak umpamanya.

"Kita sedang mengawasi perkara ini kerana inilah yang kita amat takuti," katanya pada wawancara selama kira-kira sejam itu, yang dipengerusikan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar Universiti Malaya Datuk Dr Firdaus Abdullah.

Perdana Menteri berpendapat kejadian itu, yang kali pertama seumpamanya berlaku di negara ini sejak Merdeka, bermula dengan usaha untuk memburukkan kerajaan khususnya menuduh kerajaan Barisan Nasional (BN) yang ada tidak Islam.

Katanya, tuduhan yang dibuat tanpa sebarang asas itu sudah tentu akan menimbulkan perasaan marah di kalangan orang Islam yang berharap negara ini akan mengikuti cara-cara yang mereka anggap sebagai pemerintahan Islam.

Ketika menjawab soalan anggota panel yang terdiri daripada Ketua Pengarang Kumpulan Utusan Melayu Datuk Khalid Mohamed dan Pengurus Besar Kanan Berita dan Ehwal Semasa TV3 Chamil Wariya, Dr Mahathir berkata semuanya bermula dengan tuduhan itu termasuk kempen membenci kerajaan.

"Bermula dengan tuduhan bahawa kerajaan ini tidak Islam maka untuk mendapat sokongan bagi pihak tertentu mereka memulakan kempen membenci kerajaan kerana kononnya tidak Islam," katanya, mengupas punca berlakunya kejadian rompakan senjata di Gerik dan pembunuhan dua anggota keselamatan di Sauk itu.

Dalam kejadian awal pagi 2 Julai itu, sekumpulan penjenayah yang menyamar sebagai pegawai dan anggota tentera melarikan lebih 100 senjata pelbagai jenis dan beribu-ribu peluru dari dua kem di Gerik.

Kumpulan itu kemudian bergabung dengan rakan mereka yang bersembunyi di kawasan hutan Bukit Jenalek, Sauk, dan menahan empat orang -- seorang pengutip durian, seorang anggota tentera dan dua anggota polis -- sebagai

tebusan.

Seramai 27 anggota kumpulan penjenayah itu menyerah diri kepada pihak berkuasa lima hari kemudiannya, selepas membunuh dua daripada tebusan itu -- seorang anggota polis dan seorang anggota tentera.

Seorang anggota kumpulan itu terbunuh ketika berbalas tembak dengan pasukan keselamatan manakala lima lagi anggota cedera.

Dr Mahathir berkata golongan (yang berkepentingan) itu memupuk perasaan kebencian dan kemarahan rakyat terhadap kerajaan sejak sekian lama yang menjangkau 20 hingga 30 tahun dan dalam jangka masa itu sudah ada orang yang betul-betul berasa benci yang meluap-luap terhadap kerajaan.

Menurutnya, sesuatu yang dipupuk semasa seseorang masih kecil akan melekat menjadi sebahagian budayanya dan apabila dewasa sukar bagi orang itu untuk menukar pendirian atau fahaman itu.

Katanya, perasaan benci itu berperingkat-peringkat sama ada semata-mata membenci tetapi tidak akan membuat apa-apa, membenci setakat menolak parti kerajaan dalam pilihan raya, dan tentu juga akan ada orang yang terlalu ekstrim, terlalu marah sehingga sanggup untuk menggulingkan kerajaan.

Dr Mahathir berkata golongan yang ekstrim itu sanggup membunuh dan menyeksa (seperti yang dilakukan kumpulan Persaudaraan Al Ma'unah) sedangkan mereka adalah orang biasa yang bukan pembunuh dan bukan kaki menyeksa orang tetapi bertindak ganas lantaran terlalu benci terhadap kerajaan.

"Dengan kebencian yang dipupuk terhadap kerajaan ini sekian lama, maka mereka sampai ke tahap sanggup membunuh dan mengambil tindakan untuk menggulingkan kerajaan secara kekerasan," katanya.

Beliau berkata tuduhan kononnya kerajaan tidak Islam mudah dibuat tetapi kalau dilihat lebih 50 negara yang dianggap sebagai negara Islam yang menganggotai Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), tidak banyak perbezaan antara Malaysia dengan negara-negara itu.

Katanya, di Malaysia penduduknya terdiri daripada 40 peratus orang bukan Islam dan kalau kerajaan membuat sesuatu tindakan yang mencetuskan huru-hara dalam negara kerana tentangan oleh pihak lain, perkara itu juga dilarang oleh Islam.

"Ini menunjukkan kita mematuhi ajaran Islam yang menghendaki kita sederhana dalam tiap-tiap sesuatu yang kita buat untuk Islam," kata beliau, sambil menambah kata bahawa Islam memberi banyak kelonggaran mengikut keadaan.

Beliau memberi contoh dalam menunaikan solat yang dibolehkan duduk jika seseorang tidak dapat berdiri dan dibolehkan sambil berbaring jika ia tidak boleh duduk serta jika tidak menghadap kiblat pun masih boleh sembahyang dalam keadaan tertentu.

"Ini kerana Islam tidak keras dalam menjalankan arahnya melainkan ia mengambil kira keadaan yang sebenar," katanya.

Dr Mahathir berkata orang Islam yang hidup sebagai minoriti di negara-negara lain tidak boleh membuat banyak perkara yang dikehendaki olehnya tetapi mereka masih Islam kerana mereka membuat amal ibadat dan menunaikan segala yang diwajibkan oleh agama Islam.

Mengulas imej Islam militan yang diakibatkan oleh keganasan kumpulan Al Ma'unah, beliau berkata apabila seseorang itu terlalu marah, walaupun niatnya ialah untuk memperjuangkan sesuatu, ia mungkin menyeleweng daripada kehendak perjuangannya.

"Kalau mereka pegang kepada ajaran Islam yang sebenar, mereka akan tahu bahawa mereka tidak harus mengambil tindakan membunuh, menyeksa orang," kata beliau sambil menambah, apatah lagi terhadap dua anggota keselamatan itu yang tidak berbuat apa-apa terhadap mereka.

Menurut Perdana Menteri apabila terlalu marah, mereka sudah tidak lagi patuh kepada ajaran Islam supaya rasional, adil dalam tindakan mereka dan

sederhana, bahkan mereka sudah lari daripada ajaran Islam yang sebenar.

-- BERNAMA

MNY AHH NMO